



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM**

**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**MAJLIS PERASMIAN HARI TASKA PERINGKAT KEBANGSAAN 2017  
DAN PELANCARAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSES (MOOC)**

**8 OGOS 2017**

**PANTAI TUJUH BEACH RESORT  
TUMPAT, KELANTAN**

Bismillahirrahmanirrahim,

## [SALUTASI]

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia,

## MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya, dapat kita berkumpul di majlis yang penuh bermakna pada pagi ini, iaitu Majlis Sambutan Hari TASKA Peringkat Kebangsaan 2017. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah atas kejayaan pengajuran sambutan ini yang merupakan Program *Smart Partnership* antara Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia (PPBM), Pertubuhan Pra-Sekolah dan Asuhan Kelantan (PERASKO) dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).
2. Ini merupakan Sambutan Hari TASKA yang ke 25 setelah disambut pertama kali pada 1992 dianjurkan PPBM. Majlis seupama ini amat bermakna di mana ia memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada semua pengusaha dan pengasuh TASKA yang telah memberi perkhidmatan berkualiti dalam bidang asuhan dan didikan awal kanak-kanak.

## TEMA SAMBUTAN HARI TASKA 2017

3. Saya amat tertarik dengan tema Sambutan Hari TASKA pada tahun ini iaitu “**PLAY: PLAY IS THE WAY- LET’S EXPLORE**”. Tema pada

tahun ini amat bertepatan sekali bagi memenuhi keperluan psikologi kanak-kanak di mana peringkat umur ini, kanak-kanak akan belajar apa sahaja melalui pendekatan **belajar melalui bermain**. Semua TASKA menjalankan aktiviti bagi pembelajaran kanak-kanak dengan menggunakan kurikulum PERMATA Negara yang menerapkan pedekatan belajar melalui bermain serta konsep 3E (*Explore, Experiment dan Experience*) bagi memastikan kanak-kanak dapat meningkatkan perkembangan mereka secara menyeluruh.

4. Menerusi aktiviti belajar melalui bermain, kanak-kanak dapat meluahkan perasaan, berinteraksi dan bersosial, melibatkan diri secara lansung dalam aktiviti, belajar menyelesaikan masalah, membina sahsiah diri yang positif serta keyakinan diri dan memenuhi keinginan untuk meneroka.

## **KURSUS ASUHAN DAN DIDIKAN AWAL KANAK-KANAK PERMATA (KAP)**

5. Berdasarkan Akta TASKA 1984 dan Peraturan–Peraturan TASKA 2012, setiap pegusaha, penyelia dan pengasuh TASKA hendaklah hadir dan lulus Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA (KAP), Kursus ini merangkumi semua aspek termasuk elemen asuhan dan didikan awal kanak-kanak yang merangkumi bidang perkembangan kanak-kanak iaitu perkembangan fizikal, sosio-emosi, bahasa dan kognitif, serta aspek keselamatan, kesihatan, perundangan dan perlindungan kanak-kanak. JKM amat menitik beratkan pengetahuan dan kemahiran kepada semua pengusaha, penyelia dan pengasuh TASKA agar dapat memberikan

perkhidmatan yang berkualiti dan menerapkan amalan terbaik dalam bidang asuhan dan didikan awal kanak-kanak.

6. Bertitik tolak daripada kepentingan KAP kepada semua pengusaha, penyelia dan pengasuh TASKA, KPWKM dengan kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris Shah (UPSI) melalui UPSI Holding Sdn. Bhd telah membangunkan satu program yang dikenali sebagai ***Massive Open Online Courses (MOOC) Kursus Asuhan PERMATA***. Ia merupakan satu alternatif kepada semua pengasuh TASKA untuk mengikuti KAP secara talian, tanpa menghadiri kelas. Peserta KAP melalui MOOC ini boleh belajar melalui e-pembelajaran pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.
7. MOOC ini dirancang dan dihasilkan daripada keputusan Mesyuarat Jawatan Kuasa *Task Force Ramping Up The Ecce Industry* yang melihat isu-isu asuhan dan didikan awal kanak-kanak serta mencari kaedah penyelesaiannya. Melalui kaedah MOOC, ia dijangka dapat mengatasi kekurangan pengasuh kanak-kanak berdaftar dan terlatih yang dihadapi dalam industri asuhan dan didikan awal kanak-kanak. Walaupun melalui MOOC/atas talian, pihak JKM tidak berkompromi dalam hal berkaitan dengan kualiti. Praktikum di TASKA dan peperiksaan tetap diadakan kepada peserta.
8. Statistik Jun 2017 menunjukkan hanya 7,148 daripada 12,043 orang (59.4%) pengasuh telah didaftarkan sebagai pengasuh kanak-kanak berdaftar yang masih bertugas dalam industri ini. Sehubungan itu, sudah sampai masanya MOOC ini diperkenalkan bagi memberi kemudahan kepada pengasuh-pengasuh yang sedia ada bertugas di

TASKA untuk menghadiri KAP dan seterusnya didaftarkan sebagai pegasuh kanak-kanak berdaftar.

Hadirin yang dihormati sekalian,

## **SITUASI SEMASA INDUSTRI PENGASUHAN KANAK-KANAK**

9. TASKA merupakan sistem sokongan kepada ibu bapa yang bekerja. Penglibatan wanita dalam tenaga kerja pada tahun 2015 sebanyak 54.1% dan dijangka naik mengikut unjuran pada tahun 2020 iaitu sebanyak 59.0%. Berdasarkan unjuran bincian 2010, terdapat 2.8 juta kanak-kanak yang berusia 0-4 tahun dan 50% memerlukan perkhidmatan TASKA. Ini menunjukkan keperluan TASKA di Malaysia adalah sebanyak **46,667 buah**, sehingga April 2017 jumlah TASKA yang dikelolakan oleh agensi kerajaan dan swasta adalah sebanyak **4,688 (10.1%)**. Ini menunjukkan terdapat kekurangan sebanyak lebih **41,000 (89.9%)** TASKA bagi memenuhi keperluan asuhan dan didikan awal kanak-kanak. Sehubungan itu, Kerajaan menyeru agar lebih banyak TASKA akan di daftarkan dan ini dapat memenuhi keperluan kanak-kanak dan ibu bapa yang berkerja.

## **PENUTUP**

10. Kerjasama antara KPWKM, JKM dan NGO melalui PPBM dan Persatuan-Persatuan Pengasuh Negeri untuk advokasi pengasuhan berkualiti melalui acara seperti HARI TASKA ini adalah diharapkan dapat memberi semangat kepada komuniti TASKA untuk menuju ke arah profesionalisma dalam perkhidmatan pengasuhan berkualiti bagi

menjamin kesejahteraan kanak-kanak selaras dengan Konvensyen Hak Asasi Kanak Kanak 1989.

10. Akhir kata, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua yang menjayakan program murni ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat, PERASKO dan semua pihak yang bekerja keras dalam melaksanakan program Sambutan Hari Taska Peringkat Kebangsaan 2017 dan Pelancaran Pelancaran Massive Open Online Courses (MOOC) Kursus Asuhan PERMATA.
11. Dengan lafaz Bismillahirahmanirahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Sambutan Hari Taska Peringkat Kebangsaan 2017** dan **Pelancaran Massive Open Online Courses (MOOC) Kursus Asuhan PERMATA**.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.